

Petani perlu diberikan ganjaran, kata Dr Chan

KUCHING: Usaha menggalakkan petani menanam padi secara komersial mungkin terbantut jika tidak disertakan dengan ganjaran, kata Timbalan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Dr George Chan.

Ganjaran itu katanya, termasuk sistem pengairan dan saliran yang baik agar para petani dapat memaksimumkan pendapatan.

“Jika tidak beri ganjaran, tidak guna anda suruh mereka menanam padi secara komersial.

“Menanam padi bukan proses yang mudah kerana banyak masalah perlu diatasi.

“Tidak sama dengan menanam pokok sawit dan getah yang lebih mudah ditanam,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Statistik Pertanian Asia dan Pasifik (APCAS) di sini, semalam.

Menurutnya, pendapatan yang tidak memadai dengan penat lelah mereka bercucuk tanam akan menyebabkan generasi muda enggan menceburi bidang berkenaan dan lebih rela kerja makan gaji.

Katanya, jika gagal memberi ganjaran kepada para petani, matlamat untuk menjadikan Sarawak sebagai antara pengeluar utama beras negara seperti yang sering diperkatakan pada masa sekarang, pasti menemui jalan buntu.

“Sekarang kita tidak bercakap mengenai tanaman sara diri tetapi beralih kepada tanaman besar-besaran.

“Kemudahan seperti sistem saliran dan anak benih berkualiti perlu disediakan oleh kerajaan.

“Sistem pengairan terutamanya, amat penting bagi membolehkan padi ditanam dua kali setahun,” jelasnya sambil menambah, segala maklumat mengenai pertanian juga perlu dibekalkan kepada para petani.

Ditanya mengenai kos untuk menyediakan kemudahan kepada pesawah padi, Dr Chan yang juga Menteri Pembedaan Pertanian, memberitahu ia mencecah jutaan ringgit.

“Bayangkan jika anda membuka sehektar tanah untuk kerja-kerja pembersihan sudah menelan belanja antara RM20,000 dan RM30,000,” katanya.

Menurutnya, lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ke sini hari ini merupakan peluang terbaik untuk menyatakan beberapa kelemahan yang perlu diatasi Sarawak untuk menjayakan projek penanaman padi berskala besar.

Ketika berucap, Dr Chan berkata perangkaan terkini dan komprehensif mengenai pertanian akan membantu pembuat dasar merangka strategi untuk berjaya dalam bidang berkenaan.

“Dengan isu kenaikan harga makanan sedunia dan cabaran lain dalam rantaian makanan, data pertanian terkini dan komprehensif amat penting.

“Data perlu disediakan kepada pembuat dasar sebagai maklumat untuk merancang, memantau dan menilai aktiviti pembangunan,” katanya.